



## KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

### **OPS LAJU: MEMANDU DI LORONG KANAN SECARA BERTERUSAN DAN ANCAMAN UGUTAN**

Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa memberi keutamaan dalam membentuk persekitaran jalan raya yang selamat kepada pengguna-jalan raya. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini telah melaksanakan operasi ke atas kenderaan komersil dan perkhidmatan awam di bawah Kaedah 4A Kaedah-kaedah Lalulintas 1959 iaitu memandu secara berterusan di lorong kanan.

Operasi yang bermula 4 Ogos 2016 bermula jam 7.00 pagi sehingga 12.00 malam di semua lebuh raya utama Negara. Bahagian Penguatkuasa JPJ telah menggunakan tiga (3) jenis kaedah perlaksanaan iaitu secara rondaan menggunakan kenderaan JPJ, rondaan kenderaan tanpa logo JPJ dan penyamaran sebagai penumpang bas.

Sehingga 28 Ogos 2016, jumlah keseluruhan saman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak **368** dengan kenderaan barang / lori mencatat jumlah kesalahan sebanyak 207 saman. Manakala bas mencatat sebanyak **161** saman dan kenderaan barang kurang 5000kg sebanyak **41** saman. Kompaun maksimum bagi kesalahan ini adalah RM 300. Kebanyakkan pemandu memberikan alasan ‘sedang memotong’ dan ‘perlu segera ke destinasi’ tidak boleh diterima dan JPJ tidak akan bertolak ansur dalam perkara ini.

**-bersambung di muka sebelah-**

Pada masa ini, terdapat pihak tidak bertanggungjawab yang ingin mencabar integriti dan ketegasan JPJ menjalankan tugas membanteras kegiatan kenderaan perdagangan lebih muatan / muatan berbahaya. Antara tindakan mereka baru-baru ini adalah menghantar peluru hidup dan menoreh tayar kenderaan penguatkuasa.

JPJ sentiasa bekerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) dalam tugasannya khas ini. Tindakan berat dan setimpal akan diambil menggunakan peruntukan undang-undang melalui pertuduhan di mahkamah. JPJ juga akan mengambil tindakan membatalkan lesen *Good Driving License* (GDL) / *Public Service Vehicle* (PSV) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) terhadap pemandu dan pemunya kenderaan sekiranya mereka terus degil melanggar peraturan undang-undang jalan raya seterusnya boleh membahayakan nyawa pengguna jalan raya yang lain.

JPJ ingin menegaskan bahawa, tiada kompromi kepada mereka yang melakukan kesalahan lalu lintas. Tindakan tegas akan diambil mengikut peruntukan undang-undang kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. JPJ juga komited dalam melaksanakan penguatkuasaan berterusan membanteras pesalah trafik ini dalam memastikan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

## **Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia**

30 Ogos 2016

-TAMAT-

KEMBARAN 1 KEPADA KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
OPS LAJU: MEMANDU DI LORONG KANAN SECARA BERTERUSAN  
DAN ANCAMAN UGUTAN



KEMBARAN 2 KEPADA KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
OPS LAJU: MEMANDU DI LORONG KANAN SECARA BERTERUSAN  
DAN ANCAMAN UGUTAN



KEMBARAN 3 KEPADA KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
OPS LAJU: MEMANDU DI LORONG KANAN SECARA BERTERUSAN  
DAN ANCAMAN UGUTAN



KEMBARAN 4 KEPADA肯YATAAN MEDIA  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
OPS LAJU: MEMANDU DIJORONG KANAN SECARA BERTERUSAN  
DAN ANCAMAN UGUTAN



KEMBARAN 5 KEPADA KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
OPS LAJU: MEMANDU DILORONG KANAN SECARA BERTERUSAN  
DAN ANCAMAN UGUTAN

